

## BAB 6: KESULTANAN JOHOR RIAU (Tingkatan 2)

### 6.1 Cabaran ke arah kegemilangan




#### 1. Persaingan Johor-Acheh - Portugis

- Berlaku peperangan antara tiga kuasa untuk \_\_\_\_\_ perdagangan di Selat Melaka. Perang ini dikenali sebagai Perang Tiga Segi atau \_\_\_\_\_.
- Berakhir apabila Johor memberi bantuan kepada \_\_\_\_\_ untuk mengalahkan \_\_\_\_\_ dan menguasai \_\_\_\_\_ (1641). Aceh pula mengalami kemerosotan selepas kemangkatan \_\_\_\_\_.

|           |                       |          |
|-----------|-----------------------|----------|
| Belanda   | Perang Seratus Tahun  | Melaka   |
| menguasai | Sultan Iskandar Thani | Portugis |

#### 2. Perang Johor- Jambi



- Johor menuntut wilayah Tungkal daripada Kerajaan Jambi . Krisis dan peperangan berlaku dari tahun 1659-1679.
- Johor menyerang Jambi ( Jun 1679). Jambi \_\_\_\_\_ dan tunduk di bawah kuasa Kesultanan \_\_\_\_\_ yang berpusat di Riau.

|       |             |
|-------|-------------|
| tewas | Johor -Riau |
|-------|-------------|

### 3. Konflik pembesar



- Konflik berlaku antara Bendahara \_\_\_\_\_ dengan Laksamana \_\_\_\_\_ untuk \_\_\_\_\_ pemerintahan \_\_\_\_\_.
- Persaingan berakhir dengan \_\_\_\_\_ Laksamana Tun Abdul Jamil ke Terengganu.
- Keturunan Bendahara kembali berpengaruh dalam pemerintahan Kerajaan Johor-Riau. Tun Habib meninggal dunia dan dikenali dengan gelaran \_\_\_\_\_. Jawatan Bendahara digantikan oleh anaknya, \_\_\_\_\_.

|                        |                                 |
|------------------------|---------------------------------|
| <b>Tun Abdul Jamil</b> | <b>Tun Habib Abdul Majid</b>    |
| <b>Pengunduran</b>     |                                 |
| <b>Menguasai</b>       | <b>Kerajaan Johor-Riau</b>      |
| <b>Tun Abdul Jalil</b> | <b>Bendahara Padang Saujana</b> |

### 4. Ancaman Raja Kechil

- Raja Kechil menyerang Johor (1718) kerana menuntut takhta kerajaan Johor. Baginda mendakwa dirinya sebagai putera \_\_\_\_\_ (Sultan Mahmud Mangkat Dijulang) dan mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Johor-Riau dengan menggunakan gelaran \_\_\_\_\_.
- Raja Sulaiman, Putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV meminta bantuan Opu Bugis Lima Bersaudara untuk \_\_\_\_\_ Raja Kechil.
- Raja Kechil dapat dikalahkan. Raja Sulaiman ditabalkan sebagai Sultan Johor dengan gelaran \_\_\_\_\_, manakala \_\_\_\_\_ dilantik sebagai Yang di-Pertuan Muda atau Yamtuan Muda Bugis yang pertama di Johor.

|                             |                                         |
|-----------------------------|-----------------------------------------|
| <b>Sultan Mahmud Shah I</b> | <b>Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah</b>   |
| <b>Daeng Merewah</b>        |                                         |
| <b>mengusir</b>             | <b>Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah</b> |